



PETUGAS perubatan dari Amerika Syarikat dan Eropah dibawa masuk ke Liberia untuk membantu merawat para pesakit yang dijangkiti Ebola.

SEORANG wanita dirawat di klinik khas di Monrovia, Liberia selepas menunjukkan gejala jangkitan yang kritikal.



KOSMO 8/8/14 M 22.

Selain mengakibatkan hampir 900 kematian sejak awal 2014, penularan wabak Ebola juga semakin melumpuhkan persekitaran ekonomi di barat Afrika.

Ebola belum ada penawar





Susunan SHAHRULANNOOR ISHAK
shahrulanoor.ishak@kosmo.com.my

PETANG yang panas itu, Kendall Kauffeldt tunduk sedih ketika melihat seorang lagi mangsa Ebola dibawa turun dari sebuah jip milik orang tempatan untuk dirawat di sebuah klinik khas di Monrovia, Liberia.

“Terlalu berbahaya mengangkut pesakit yang mempunyai kes Ebola menggunakan kenderaan persendirian,” kata Kauffeldt ketika melihat lima penumpang jip tersebut yang kini turut berisiko dijangkiti wabak maut itu.

“Orang awam perlu menelefon ambulans dan petugas perubatan yang terlatih. Lebih buruk jika membawa pesakit menaiki kenderaan awam seperti bas dan teksi.

“Jika pesakit dibawa menaiki kenderaan awam, kami perlu berjaga-jaga dalam tempoh 21 hari kerana dikhawatiri akan ada kes baharu,” tambah Pengarah Samaritan Purse iaitu sebuah badan sukarela yang ditubuhkan untuk memberi pendidikan kesihatan kepada orang awam di Monrovia.

Samaritan Purse merupakan pertubuhan sukarela paling aktif di Liberia sejak beberapa bulan lalu. Ia berperanan mencetuskan kesedaran awam untuk memerangi serangan wabak Ebola di benua Afrika.

Sejak awal tahun ini, kira-kira 300 rakyat Liberia dijangkiti virus tropika Ebola yang merebak dari kawasan hutan di barat Afrika dan merekodkan lebih 150 kematian. Sehingga awal bulan Ogos baru-baru ini, lebih 880 kematian direkodkan akibat Ebola yang melibatkan tiga buah negara di Afrika iaitu Liberia, Sierra Leone dan Guinea.

Kauffeldt dan beberapa sukarela-



SEBUAH sekolah di Monrovia ditutup apabila penularan wabak Ebola bertukar serius sejak beberapa bulan lalu.



KIRI: Bekas berisi air untuk mencuci tangan yang ditampal risalah mengenai cara Ebola berjangkit diletakkan di tempat awam di sekitar Monrovia.

wan lain memberitahu, peningkatan bilangan kematian akibat wabak Ebola didorong oleh kelemahan orang ramai yang tidak mempunyai cukup maklumat mengenai penyakit maut tersebut.

Ia termasuklah tidak tahu mengenai simptom awal, cara wabak tersebut berjangkit dan kaedah paling selamat untuk mengurus atau memindahkan pesakit yang mengalami tanda-tanda jangkitan.

Meskipun ia menyebabkan maut akibat kehilangan banyak cecair sekiranya dijangkiti, Ebola masih boleh dirawat menggunakan paracetamol dan antibiotik yang mengandungi bahan elektrolit dan intravena.

PESAKIT mengalami ruam kulit sebelum disusuli pendarahan yang sukar dihentikan kerana kehilangan platelet darah akibat serangan virus Ebola.

Namun, sikap penduduk di Afrika terutama di kawasan luar bandar yang lebih mempercayai dukun berbanding perubahan moden menyebabkan potensi untuk seseorang pesakit itu pulih menjadi tipis.

Cara jangkitan

“Mereka (penduduk) lebih percaya kepada dukun dan mengatakan Ebola tidak wujud atau hanya rekaan orang Barat untuk menakutkan orang Afrika. Hakikatnya, Ebola ialah ancaman yang jelas wujud di sini.

“Lebih buruk, mereka mengatakan klinik dan hospital ialah tempat untuk mati dan bukan untuk mengubati,” tambah Kauffeldt sambil memberitahu sekurang-kurangnya 10 kes kritikal dirujuk ke klinik dan hospital setiap hari.

Penyakit Virus Ebola (EVD) yang sebelum ini dikenali sebagai demam berdarah Ebola berisiko menyebabkan kematian sehingga 90 peratus apabila dijangkiti.

EVD pertama kali dikesan di Sudan dan Republik Demokratik Congo pada 1976 dan merekodkan lebih 1,300 kematian selepas merebak di barat Afrika melalui genus Ebola bawaan haiwan liar sebelum menjangkiti manusia.

Ebola menjangkiti manusia menerusi darah dan cecair daripada haiwan yang membawa virus tersebut. Di Afrika, kes-kes jangkitan pertama yang direkod melibatkan kontak manusia dengan babi, cimpanzi, gorila, kelawar, monyet, antelop dan landak yang ditemui mati di hutan.

Sejak itu, Ebola merebak dan menjangkiti manusia menerusi cecair tubuh seperti peluh, darah dan air liur.

Meskipun sembuh selepas dirawat,

virus yang sudah lemah dalam tubuh bekas pesakit masih boleh berpindah ke tubuh individu lain dalam tempoh tujuh minggu.

Antara beberapa negara lain di Afrika yang pernah berdepan wabak EVD sejak tahun 1976 hingga 2012 ialah Uganda, Gabon, Afrika Selatan dan Ivory Coast.

Terdapat lima jenis genus EVD iaitu bundibugyo, zaire, reston, sudan dan tai ebolavirus (RESTV). Virus daripada spesies RESTV juga terdapat di Filipina dan China, namun belum ada kematian dilaporkan akibat virus jenis itu.

Tiada vaksin

Dalam tempoh antara satu hingga tiga minggu selepas dijangkiti, pesakit akan menunjukkan simptom seperti demam mengejut, sakit otot serta pedih tekak. Ia diikuti muntah, cirit-birit, ruam, fungsi hati dan paru-paru terjejas serta pendarahan dalaman.

Kajian makmal menunjukkan EVD boleh mengakibatkan penurutan drastik sel darah putih dan penyusutan platlet darah yang berfungsi menghentikan pendarahan.

Sehingga hari ini, tiada vaksin yang sesuai untuk kegunaan klinikal ditemui bagi merawat Ebola. Rawatan lazim hanya melibatkan penjagaan rapi termasuk memasukkan

cecair elektrolit dan intravena ke dalam tubuh pesakit.

Bekas pesakit yang berjaya dipulihkan sepenuhnya, **William Benadict**, 10, pula berkata, beliau dijangkiti Ebola ketika ibunya sedang tenat akibat simptom wabak yang sama.

"Saya menemani ibu di hospital ketika dia sakit. Selepas ibu meninggal dunia, saya pula jatuh sakit dan dirawat di hospital yang sama sehingga sembuh," ujar Benadict yang mendapat rawatan pantas sebaik menunjukkan simptom.

Pada pertengahan bulan Julai lalu, para pemimpin di Liberia, Sierra Leone dan Guinea bersetuju untuk mengadakan kerjasama mengumpul dana ke-

cemasan sebanyak AS100 juta (RM340 juta) bagi memerangi wabak itu.

Ia termasuk kos ubat-ubatan, menggaji petugas perubatan dan perbelanjaan lain untuk menguruskan program pendidikan orang awam bagi menyekat penularan wabak.

Ketua Jawatankuasa Kesihatan Liberia, Peter Coleman berkata, kemiskinan menjadi penghalang utama dalam memastikan maklumat mengenai Ebola disebar secara menyeluruh kepada penduduk di negara itu.

"Majoriti penduduk tidak mempunyai radio. Bagi memastikan semua penduduk mendapat maklumat, ia perlu dilakukan melalui kempen dari kampung ke kampung. Ia memerlukan perbelanjaan sangat besar," kata Coleman.

Dalam pada itu, **Presiden Bank Dunia, Jim Yong Kim** berkata, pihaknya akan menyediakan dana RM700 juta terhadap Guinea, Liberia dan Sierra Leone dalam menghadapi ancaman wabak Ebola.

Yong Kim yang juga pakar penyakit berjangkit menambah, penularan Ebola sangat menyedihkan kerana ia melanda Afrika yang tidak mempunyai sistem dan fasiliti kesihatan sempurna seperti di negara maju.

"Paling membimbangkan, semakin ramai terdedah risiko kematian. Wabak harus dihentikan dengan cara terbaik," kata Yong Kim.

Mengulas situasi getir akibat Ebola, Yong Kim menambah, negara-negara terlibat juga dijangka mengalami penurutan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan antara 3.5 hingga 4.5 peratus.

Ujar beliau lagi, pergerakan perda-


Virus maut Ebola

Salah satu virus berbahaya yang diketahui manusia

Mula dikesan pada 1976 di Republik Demokratik Congo (RD Congo) dan Sudan



Wabak Utama



Kelawar buah daripada keluarga Pteropodidae dipercayai menjadi hos semula jadi virus Ebola

Jangkitan terhadap manusia

- Peringkat awal jangkitan menyebabkan demam mengejut, keletihan melampau, sakit otot, pening kepala dan sakit tekak.

- Diikuti muntah, cirit-birit, ruam, gangguan fungsi buah pinggang dan hati serta pendarahan dalaman.


Cara jangkitan - Melalui cecair tubuh seperti darah, najis dan peluh. Turut merebak melalui hubungan seksual dengan individu yang telah dijangkiti.

- Individu yang menguruskan mayat pesakit dan menggunakan barang yang dicemari virus Ebola juga berisiko dijangkiti.

- Tiada vaksin untuk merawat wabak ini.

■ Disahkan menjangkiti manusia pada 1979.
● Virus turut dikesan pada haiwan-haiwan yang diimport dari Afrika.

Penularan wabak pada tahun 2014.



gangan dua hala bagi negara-negara terlibat juga semakin perlahan sehingga menyebabkan kemasukan wang asing terhenti.

Selain perdagangan, kegiatan perlombongan bijih besi, berlian serta beberapa hasil galian lain turut terjejas di rantau berkenaan.

"Dalam sektor perlombongan, penurutan (pengeluaran) akan terus berlaku apabila bilangan pekerja mahir yang meninggalkan negara berkenaan

terus meningkat akibat bimbang dijangkiti," ujar Yong Kim.

Kesan daripada penularan wabak juga menyebabkan beberapa syarikat pengangkutan udara menggantung penerbangan ke Guinea, Liberia dan Sierra Leone.

Ia termasuk syarikat Emirates berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang menghentikan penerbangan ke Guinea sejak 2 Ogos lalu.

Pantau individu yang baru tiba dari Afrika

MESKIPUN penyakit virus Ebola (EVD) yang boleh menyebabkan kematian melibatkan penduduk di barat Afrika, masyarakat dunia termasuk di Asia masih berisiko terdedah kepada jangkitan wabak itu.

Pengarah Pusat Pendidikan dan Penyelidikan Penyakit Berjangkit Tropikal Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Sazaly Abubakar berkata, ia boleh berlaku sekiranya individu yang keluar masuk dari Afrika tidak menjalani ujian saringan.

"Mereka yang keluar masuk dari negara-negara yang dilanda EVD di Afrika tidak semestinya terdiri daripada rakyat asal negara itu sendiri.

"Petugas perubatan, pelancong atau sebagainya yang tiba ke Afrika atas urusan tertentu turut terdedah kepada jangkitan. Mereka perlu disaring sebaik tiba di lapangan terbang apabila pergi ke negara lain selepas itu.

"Proses saringan di lapangan terbang bagaimanapun menghadapi kesulitan terutama apabila seseorang yang baru beberapa hari dijangkiti tidak menunjukkan sebarang simptom," katanya ketika dihubungi.

Sazaly yang juga Ketua Jabatan Mikrobiologi Perubatan UM menambah, langkah susulan untuk mengawal penularan ialah melakukan pemantauan

berterusan terhadap setiap individu yang baru tiba dari Afrika selepas disaring.

Tambah beliau, ia termasuk mewajibkan mereka menjalani pemeriksaan berkala di hospital atau klinik dalam tempoh sekurang-kurangnya seminggu sehingga disahkan bebas daripada jangkitan.

"Seseorang biasanya mula menunjukkan gejala selepas seminggu dijangkiti. Dalam tempoh itu, mereka perlu dipantau," ujar Sazaly.

Mengulas mengenai genus EVD jenis tai Ebolavirus (RESTV) yang terdapat di negara jiran iaitu Filipina, beliau memberitahu, ia tidak menjejaskan kesan kesihatan seperti jenis-jenis virus Ebola yang lain.

"RESTV yang dibawa babi tidak menjejaskan kesihatan. Bagaimanapun, virus Nipah dan Japanese Ensefalitis (JE) yang dibawa babi masih berbahaya kepada manusia.

"Selain JE dan virus Nipah, rakyat negara ini mudah terdedah kepada demam denggi berdarah yang menyebabkan gejala serta risiko kematian seperti Ebola.

"Langkah penting untuk tidak dijangkiti penyakit atau wabak maut ialah menjaga kesihatan dan segera melakukan pemeriksaan apabila berasa tidak sihat," katanya.



KEMENTERIAN Kesihatan menggalakkan orang ramai melakukan pemeriksaan kesihatan termasuk ketika isu MERS-CoV beberapa bulan lalu.